

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Umno mahu ahli ada nilai peribadi tinggi: Ghafar

JOHOR BAHRU, Ahad — Umno menggariskan tiga nilai peribadi yang perlu ada di kalangan ahlinya dalam usaha mencapai matlamat 1.5 juta ahli menjelang akhir tahun ini.

Timbalan Presiden Umno, Encik Ghafar Baba, berkata jumlah ahli yang ramai tanpa mempunyai nilai-nilai yang bermutu tinggi tidak mendatangkan sebarang makna kepada parti Umno.

"Kita mahu ahli yang ramai dan dalam masa yang sama ahli yang mempunyai nilai peribadi yang tinggi," katanya ketika berucap di majlis memperingati ulang tahun pertama pemulhan Umno, anjuran Umno bahagian Pulai, di padang balai raya Tampoi dekat sini, hari ini.

Encik Ghafar berkata, nilai yang perlu ada pada setiap ahli Umno itu ialah:

- Mereka mesti faham perlembagaan Umno;
- Mereka mesti faham dasar parti, kerajaan dan menyertai Umno semata-mata untuk kepentingan rakyat dan bukan kepentingan peribadi; dan
- Mereka sanggup berkorban tanpa menghapkan upah atau balasan, terutama ketika pilihanraya.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri

berkata, Umno memerlukan ahli yang mempunyai mutu itu bagi membentuk generasi yang akan mengukuhkan parti.

"Inilah mutu yang kita mahu. Jika jumlahnya ramai dan mutunya baik, insya-Allah orang Melayu tidak hilang di dunia, seperti yang disebutkan oleh Hang Tuah," katanya disambut tepukan gemuruh oleh kira-kira 2,500 ahli Umno yang membanjiri padang itu.

Encik Ghafar berkata, setakat ini Umno mempunyai lebih 1.05 juta ahli dan beliau yakin jumlah itu akan bertambah berikutan sambutan menggalakkan daripada orang Melayu.

Menurutnya, di sesetengah cawangan, ahlinya melebihi 100 peratus keahlian asal.

Beliau juga berkata, kerajaan Barisan Nasional yakin dapat mengulangi kejayaan cemerlangnya dalam pilihanraya umum 1986 jika pilihanraya diadakan.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan dua kemenangan dalam pilihanraya kecil Parit Raja dan Ampang Jaya yang lalu.

Turut hadir di majlis itu ialah Setiausaha Agung Umno yang juga Ketua Umno bahagian Pulai, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin.